



## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PERANCANG FIZIKAL NEGARA (MPFN) KE-44 (BIL.1/2024)

---

**PUTRAJAYA, 25 April 2024 –** Perdana Menteri, YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-44 (Bil.1/2024) di Dewan Persidangan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Aras 1, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra, Jabatan Perdana Menteri pada hari ini.

MPFN Ke-44 telah mempertimbangkan sebanyak enam (6) kertas kerja melibatkan satu (1) kertas untuk kelulusan, tiga (3) kertas persetujuan dan dua (2) kertas makluman. Majlis telah **bersetuju meluluskan satu dasar utama berkaitan perancangan bandar dan desa iaitu Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN)**. Pelan induk ini merupakan antara tindakan intervensi bagi mengurangkan kebergantungan kepada produk makanan import selain meningkatkan kemandirian negara dalam aspek bekalan makanan. Pelan induk ini telah mencadangkan sebanyak 4 teras, 20 strategi, 48 tindakan dan 102 inisiatif untuk tujuan pelaksanaan oleh semua pihak berkepentingan terutama pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan agensi di bawahnya serta pihak berkuasa negeri.

Cadangan strategi dalam pelan induk tersebut adalah keperluan untuk memastikan pengekalan dan pemeliharaan guna tanah kawasan sumber makanan negara, menekankan penggunaan teknologi moden dalam mempertingkatkan produktiviti serta cadangan penyediaan insentif fiskal

kepada Kerajaan Negeri bagi memastikan kawasan-kawasan sumber makanan dapat dipelihara dan tidak terus berkurangan pada masa hadapan.

Selain daripada aspek keterjaminan makanan, MPFN turut memberi perhatian kepada isu kepesatan pembangunan yang mengakibatkan sebahagian penempatan di kawasan bandar terpinggir daripada arus pembangunan terutamanya kawasan bangunan-bangunan lama, kawasan bangunan terbengkalai, kawasan *brownfield* dan kawasan *greyfield* yang memerlukan kepada inisiatif pembaharuan semula bandar.

MPFN Ke-44 telah menimbang **Garis Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar (GPP PSB)** yang bertujuan untuk memberi panduan dan rujukan kepada Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, pemaju harta tanah dan pihak berkepentingan yang ingin memajukan atau membangunkan semula kawasan penempatan yang terpinggir, usang dan tidak ekonomik untuk meningkatkan imej dan reka bentuk bandar.

Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga sedang dalam proses penggubalan Rang Undang-undang berkaitan pembaharuan semula bandar. Ianya memberi penekanan ke arah mewujudkan bandar baharu berdaya huni yang turut memberi penetapan semula ambang persetujuan (*consent threshold*).

#MalaysiaMadani  
#StrongerTogether  
#UnityInDiversity  
#DemiPertiwi

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

